



LAPORAN CERAPAN HILAL RAMADHAN 1426 HIJRI PADA 29 SYA'BAN 1426/03 OKTOBER 2005

1- Pada 03 Oktober 2005 (Isnin) bersamaan 29 Sya'ban 1426 telah diadakan Majlis Cerapan Rasmi Hilal Ramadhan bagi menetapkan awal puasa di 3 lokasi cerapan iaitu :-

- i- Bukit Malawati, Kuala Selangor
- ii- Pulau Angsa, Kuala Selangor
- iii- Bukit Jugra, Kuala Langat

2- Berdasarkan kepada data rukyah dan maklumat cerapan daripada ketiga-tiga lokasi, pada hari rukyah iaitu 29 Sya'ban 1426 Hijri bersamaan 03 Oktober 2005 Miladi, hilal tidak kelihatan kerana belum menepati justifikasi Imkannur Rukyah yang telah ditetapkan iaitu:-

(a) Ketika matahari terbenam:-


- i- Ketinggian (altitud) bulan tidak kurang daripada 2°

DAN

- ii- Jarak lengkuk matahari ke bulan tidak kurang daripada 3°

ATAU

(b) Ketika hilal terbenam, umur hilal tidak kurang daripada 8 jam



Gambar menunjukkan justifikasi Imkannur Rukyah (kebolehnampakkan) hilal yang digunakan bagi menentukan awal bulan hijri.

- 3- Dalam menjalankan aktiviti cerapan hilal, terdapat empat (4) keadaan berbeza yang boleh berlaku pada hari rukyah iaitu:-
- (a) Hilal belum wujud lagi kerana ijtimak' masih belum berlaku.
 - (b) Hilal masih belum wujud lagi, walaupun ijtimak telah berlaku.
(tempoh masa yang singkat antara ijtimak dan terbenam matahari)
 - (c) Hilal telah berada di atas ufuk, tetapi sifat fizikalnya masih belum matang dan tidak mencapai syarat kenampakan hilal menurut Imkannur Rukyah.
 - (d) Hilal telah berada di atas ufuk dan menepati justifikasi Imkannur Rukyah.

- 4- Dengan merujuk kepada keadaan di atas, perkara 3 (b) adalah berkaitan iaitu hilal belum wujud lagi walaupun ijtimak telah berlaku kerana tempoh masa yang singkat antara ijtimak dan terbenam matahari.
- 5- Antara faktor-faktor yang menyebabkan anak bulan tidak kelihatan ialah:-
 - i- Pada hari rukyah (29 Sya'ban 1426) hilal telah terbenam dahulu daripada matahari (hilal terbenam jam 19.05, matahari terbenam 19.06).
 - ii- ijtimak berlaku pada 03 Oktober 2005 jam 18.28 petang.
- 6- Kesimpulannya, berdasarkan maklumat di atas, pada hari berikutnya iaitu 04/10/2005 (Selasa) digenapkan menjadi 30 Sya'ban 1426 H, manakala 01 Ramadhan 1426H ditetapkan pada 05/10/2005 (Rabu).

Laporan di sediakan oleh,

Rizal B. Ramli
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (S27)
Bahagian Falak Syarie
Jabatan Mufti Negeri Selangor